



IDRIS JUSOH menyampaikan taklimat mengenai Peningkatan Berterusan : Transformasi dan Kejayaan Pendidikan Malaysia di Pusat Kecemerlangan Bernama di Kuala Lumpur, semalam.

Empat universiti awam lonjak kedudukan

Oleh AZMAN IBRAHIM

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 JUN

SEBANYAK empat universiti awam mencatatkan lonjakan memberangsangkan dalam kedudukan QS University Ranking: Asia 2015 yang membuktikan peningkatan kualiti dalam pendidikan negara.

Kedudukan Universiti Malaya (UM) melonjak ke kedudukan 29 berbanding 32 pada tahun lalu manakala Universiti Sains Malaysia (USM) berada di tempat ke-49 berbanding ke-57 pada tahun lalu.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pula mendapat tempat ke-61 berbanding ke-66 tahun lalu sementara Universiti Putra Malaysia (UPM) melonjak ke-66 berbanding ke-76 tahun lalu.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagaimanapun mencatatkan prestasi tidak berubah iaitu pada kedudukan ke-56.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, peningkatan keempat-empat universiti awam itu menunjukkan satu peningkatan berterusan.

Katanya, beliau berbangga kerana keempat-empat universiti awam yang mencatatkan peningkatan dalam kedudukan itu merupakan universiti penyelidikan.

"Keempat-empat universiti awam ini menunjukkan peningkatan mendadak dalam setahun atau dua tahun ini. Malah, dalam kedudukan lain seperti Universitas 21, QS World Ranking University, penarafan subjek dan lain-lain lagi turut menunjukkan peningkatan prestasi setiap tahun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat peningkatan berterusan: transformasi dan kejayaan pendidikan Malaysia di Wisma Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) di sini hari ini.

Yang turut hadir pada sesi taklimat itu ialah Pengurus Bernama,

Datuk Abdul Rahman Sulaiman.

QS University Ranking: Asia dijalankan oleh badan penyedia maklumat antarabangsa, Quacquarelli Symonds.

Badan itu memberi penarafan kepada 500 universiti teratas Asia dan penarafan itu diperkenalkan sejak 2009.

Tambah Idris, program Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) @ Faculty pula akan bermula esok dengan menampilkan tokoh-tokoh profesional yang akan mengajar di institut pengajian tinggi.

Katanya, program ini akan dimulakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam pada pukul 2 petang esok dengan menampilkan Pengarah Eksekutif Brainy Bunch Islamic Montessori, Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohd. Tahir.

"Tokoh-tokoh profesional ini akan bersama-sama mahasiswa untuk berkongsi pengalaman selama 30 jam pengajaran setahun yang akan meningkatkan peluang pekerjaan graduan tempatan," ujarnya.